

24 JUN 1998

LEAD Daim

DAIM SERTAI SEMULA KABINET DENGAN PORTFOLIO EKONOMI

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin menyertai semula Kabinet selepas dilantik ke jawatan penting sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri dan dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas berhubung dengan perkara-perkara pembangunan ekonomi.

Pelantikan Daim, 60, diumumkan dalam satu kenyataan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini.

"Tun Daim dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas yang berhubung dengan perkara-perkara pembangunan ekonomi," menurut kenyataan itu.

Daim kembali semula ke Kabinet ketika Malaysia menghadapi kegawatan ekonomi paling buruk dalam sejarah negara sehingga Daim sendiri memberi tumpuan sepenuhnya kepada masalah berkenaan sejak krisis ekonomi itu melanda pada Julai tahun lalu.

Walaupun Daim meletakkan jawatan dari Kabinet pada Mac 1991 selepas tujuh tahun menjadi Menteri Kewangan tetapi beliau sebenarnya telah menyumbang dalam pengurusan ekonomi negara.

Daim juga diberi penghargaan kerana beliau adalah orang yang bertanggungjawab membawa negara ini keluar daripada belenggu kemelesetan pada awal 1980-an.

Selepas meninggalkan Kabinet, beliau dilantik Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Malaysia dan ulasannya mengenai ekonomi biasanya dianggap sebagai "penggerak pasaran" terutama bagi pasaran saham dalam tempoh sebelum krisis ekonomi berlaku pada Julai lalu.

Contohnya, pada Jan 1993, Daim menasihati kepada pelabur pasaran saham supaya "keluar sebelum terlambat", iaitu rujukan kepada spelukasi yang bertiup kencang di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ketika itu, yang menyebabkan harga saham jatuh.

Saham bernilai berbilion-bilion ringgit jatuh merudum semalaman dan BSKL dikatakan tidak pulih daripada kejatuhan sejak itu.

Selain sebagai Penasihat Ekonomi, Daim juga terbabit secara aktif dalam pembangunan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA), bertujuan memesatkan pembangunan kawasan-kawasan yang mundur di Brunei, Kalimantan di Indonesia, Sabah dan Sarawak di Malaysia dan selatan Filipina melalui konsep Segitiga Pertumbuhan.

Daim juga mengetuai pembangunan ekonomi dua pulau di negara ini -- Langkawi dan Labuan -- dan beliau ialah pengerusi Lembaga Pembangunan Langkawi dan Lembaga Pembangunan Labuan.

Tetapi pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang mendapat perhatian, baik di dalam mahupun di luar negara.

MTEN ialah badan yang ditubuhkan khusus bagi menangani krisis ekonomi Disember lalu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengerusi dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai timbalan pengerusi.

Ia ditubuhkan untuk memberi input daripada sebilangan besar masyarakat tentang cara terbaik untuk menangani krisis ekonomi yang menyebabkan ringgit hilang lebih 40 peratus daripada nilainya berbanding dollar Amerika dan kejatuhan harga saham.

MTEN ialah seperti pendapat kedua terhadap langkah-langkah yang biasanya dilaksanakan oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan dan Bank Negara.

Seorang bekas penasihat Bank Negara ketika diminta mengulas pelantikan terbaru Daim menyifatkannya sebagai "jawatan paling penting di tengah-tengah krisis ekonomi sekarang".

Beliau menyamakan Daim dalam jawatan barunya sebagai menteri penyelaras bagi portfolio kewangan dan perdagangan memandangkan perkara-perkara berhubung dengan ekonomi mencakupi aspek yang luas seperti dinyatakan dalam kenyataan Pejabat Perdana Menteri.

" Dalam erti kata yang lain, beliau ialah menteri penyelaras antara kewangan dan perdagangan, baik perdagangan dalam negara dan perdagangan antarabangsa," kata beliau kepada Bernama.

Beliau berkata pelantikan itu menunjukkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu menggunakan seberapa banyak yang mungkin tokoh yang berpengalaman untuk menangani masalah ekonomi negara.

" Pada dasarnya, beliau ialah menteri ekonomi dan jika menggunakan konsep Indonesia, Daim ialah menteri penyelaras antara kewangan dan perdagangan," kata beliau.

Ketika diminta mengulas pelantikan itu daripada aspek politik memandangkan bahawa tidak dapat dielakkan sekarang bagi Daim "tidak bertindih" portfolio kewangan yang dipegang oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim dan portfolio perdagangan di bawah Datuk Seri Rafidah Aziz (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri), beliau berkata mungkin sukar bagi kedua-dua menteri untuk berkongsi portfolio dengan orang lain."

" Tetapi saya berpendapat demi kepentingan negara, semua pihak harus menerima hakikat ini dan bekerjasama untuk mengatasi masalah ekonomi," kata beliau.

Dalam sebuah buku mengenai Daim yang diterbitkan tahun lalu bertajuk "Daim Yang Diam", penulis Fatini Yaacob bertanya kepada beliau sama ada beliau masih berhasrat untuk kembali semula ke Kabinet.

" Saya tidak nampak saya akan kembali menyertai kerajaan. Semasa dilantik menjadi Menteri Kewangan, saya telah membentangkan tujuh Belanjawan Negara. Menteri Kewangan dahulu adalah jawatan yang paling berkuasa selepas Perdana Menteri. Dahulu saya begitu berkuasa. Saya juga rapat dengan Perdana Menteri. Saya telah berasa nikmat berkuasa". katanya.

" Saya menyukainya sehingga saya bersara. Saya juga telah berbakti kepada negara selama tujuh tahun. Saya telah melakukan semampu saya. Kecuali saya bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri, barulah saya akan menyertai semula Kabinet. Bagaimanapun, saya saya tidak mempunyai cita-cita sedemikian," kata beliau.

-- BERNAMA

AU FAZ